

Soalan Lazim: Program *SME Co-Investment Partners* (SCIP)

Unit Akses kepada Pembiayaan
Bahagian Pembangunan Ekosistem
SME Corp. Malaysia

1. Apakah Program SCIP ?

Program SCIP adalah inisiatif pelaburan diantara sektor awam dan sektor swasta yang bertujuan untuk menjalankan aktiviti pelaburan dalam bentuk ekuiti ke dalam Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang berdaya maju. Pelaburan dana dari sektor swasta ini akan dipadankan dengan dana dari Kerajaan Malaysia melalui Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia).

Program SCIP ini diwujudkan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS Malaysia dalam pelbagai sektor ekonomi terutamanya kepada PKS yang berada di peringkat awal perniagaan. Dana ini boleh disalurkan dalam bentuk ekuiti (pegangan saham), pinjaman atau gabungan ekuiti dan pinjaman.

2. Apakah perbezaan antara pelaburan ekuiti swasta atau 'Private Equity Investment' (PE), modal teroka atau 'Venture Capital' (VC) dan SCIP?

Berdasarkan garis panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), perbezaan di antara pelaburan PE dan VC adalah mengikut tahap pelaburan perniagaan yang dilakukan oleh kedua-duanya. Walau bagaimanapun, aktiviti pelaburan PE dan VC adalah hampir serupa kerana kedua-duanya aktiviti pelaburan mereka adalah dalam bentuk penyediaan modal. PE dan VC juga berkongsi kemahiran perniagaan serta kepakaran mereka kepada syarikat yang dilabur untuk meningkatkan peluang - peluang pasaran yang ada dan seterusnya membantu meningkatkan keuntungan modal jangka panjang syarikat yang selari dengan arah tuju dan visi strategik syarikat penerima dana.

Aktiviti pelaburan PE biasanya merangkumi penyediaan modal teroka, pembelian dan penyusunan semula pegangan modal syarikat. Dana pelaburan daripada PE biasanya akan ditawarkan kepada syarikat yang lebih matang. Sebaliknya, dana pelaburan daripada VC pula biasanya melibatkan penyediaan dana ekuiti kepada syarikat yang berada di peringkat awal perniagaan, bersaiz kecil, mempunyai risiko yang tinggi tetapi mempunyai potensi yang luar biasa untuk berkembang. Aktiviti pelabur VC umumnya merangkumi tawaran usaha sama kepada syarikat dari peringkat awal perniagaan hingga tahap pra-IPO.

Di bawah program SCIP, SME Corp. Malaysia telah mengenal pasti dan melantik firma-firma pengurusan dana atau disebut sebagai "Rakan Pelaburan" untuk melengkapkan landskap pembiayaan PKS sedia ada melalui perkara yang berikut:

- Program ini menawarkan pilihan pembiayaan dana melalui milikan ekuiti dan pinjaman untuk memenuhi keperluan pembiayaan PKS Malaysia;
- Program ini menawarkan pembiayaan kepada PKS yang berada di peringkat awal berbanding dengan pembiayaan dalam bentuk pinjaman yang ditawarkan oleh pihak bank ataupun pelabur VC yang lain, yang lebih cenderung untuk membantu syarikat-syarikat yang telah sedia ada berkembang maju.
- Program ini disediakan untuk PKS dalam semua sektor ekonomi termasuk perniagaan tradisional yang berinovasi dan sedang melalui tahap perkembangan yang positif berbanding dengan pelabur modal teroka lain yang mengutamakan pelaburan hanya kepada syarikat yang berasaskan teknologi;
- Program ini menawarkan pelaburan kepada PKS yang mempunyai potensi untuk berkembang melalui perkongsian awam - swasta (*Co-Investment*) berdasarkan perbandingan nisbah 1: 1

3. Siapakah pelabur-pelabur sektor swasta dalam SCIP?

Pelabur sektor swasta atau Rakan Pelaburan dalam program SCIP merupakan entiti penyedia dana bukan perbankan yang merupakan:

- i. Firma Pelaburan berdaftar yang dikendalikan oleh firma berpengalaman dalam pengurusan dana dan kewangan serta bukan kewangan yang boleh membantu pembangunan PKS;
- ii. Berbeza dengan pengurusan dana pelaburan sediaada, fungsi Rakan Pelaburan dalam program SCIP ini adalah juga sebagai pembimbing dan penasihat terutamanya dalam soal teknikal perniagaan untuk membantu PKS memperkembangkan perniagaan mereka.

4. Mengapakah PKS harus memohon untuk dana atau pelaburan di bawah SCIP?

Tidak seperti pembiayaan yang biasa, dana modal teroka sediaada dan pembiayaan dari pihak bank selalunya lebih cenderung kepada syarikat yang telah berkembang maju. Bagi program SCIP pula, ia memberikan tumpuan kepada PKS yang masih berada di peringkat awal perniagaan yang menjalankan perniagaan dalam mana-mana sektor, termasuklah perniagaan tradisional yang berinovasi dan mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi.

PKS tidak hanya akan menerima dana tetapi juga akan mendapat khidmat nasihat perniagaan dan perkongsian kemahiran dari pakar perniagaan dalam memperkembangkan perniagaan tersebut. PKS juga akan mendapat akses kepada dana-dana kerajaan yang lain, yang terdapat dalam kerangka program SCIP ini.

5. Apakah tahap pelaburan perniagaan dalam program SCIP?

Tahap pelaburan perniagaan dalam program SCIP adalah untuk PKS yang berada di peringkat awal, sedang menunjukkan prestasi pertumbuhan yang positif terutamanya dalam penjana pendapatan syarikat dan mempunyai daya tarikan di pasaran. Syarikat perlulah telah beroperasi sekurang-kurangnya 1 hingga 5 tahun sahaja.

6. Apakah syarat kelayakan permohonan program ini?

Syarikat PKS yang berpotensi perlu memenuhi kriteria asas seperti berikut:

- Telah memenuhi Definisi PKS *
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Mempunyai sekurang-kurangnya 51% ekuiti rakyat Malaysia
- Beroperasi antara 1 hingga 5 tahun sahaja
- Telah mempamerkan peningkatan prestasi terutamanya dalam penjana pendapatan perniagaan dan mempunyai daya tarikan bagi produk atau perkhidmatan syarikat di pasaran.

7. Berapakah jumlah pembiayaan dana yang disediakan di bawah SCIP?

Program SCIP menyediakan pembiayaan dalam bentuk ekuiti, pinjaman atau gabungan ekuiti dan pinjaman sehingga RM 3 juta untuk sesebuah perniagaan.

8. Bagaimanakah cara untuk memohon program SCIP?

Syarikat yang berminat untuk menyertai program SCIP ini boleh memohon dengan mengisi borang di pautan yang berikut: <http://www.smecorp.gov.my/scip/> atau boleh terus berhubung dengan Rakan Pelaburan SCIP seperti berikut:

No.	Rakan Pelaburan Program <i>SME Co-Investment Partners</i> (SCIP)
1	<p>5X Capital Sdn. Bhd.</p> <p>278, Lorong Maarof, Bangsar, 59000 KUALA LUMPUR</p> <p>Hubungi: En. Lim Jet Liang (Partner)</p>

	<p>No. Tel.: +6012 - 230 9680 Emel: jet@5xcapital.my</p>
2	<p>Arris Venture Management Sdn. Bhd.</p> <p>39, Jalan Kenari 17 C, Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong SELANGOR</p> <p>Hubungi: En. Loh Lim Hock (Director)</p> <p>No. Tel.: +603 - 8076 3063 Emel: funding@arris.com.my</p>
3	<p>Kanzun Ventures Management Sdn. Bhd.</p> <p>Level 13A, Menara Tokio Marine, 189, Jalan Tun Razak, 50400 KUALA LUMPUR</p> <p>or</p> <p>ADVISE 119, Innovation Incubation Center, Level 2, Resource Center, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 KUALA LUMPUR</p> <p>Hubungi: Cik Wan Fara Idayu W Ahmad (Co-Founder/Chief Investment Officer)</p> <p>No. Tel.: +603 - 2717 3418 (Menara Tokio Marine) +603 - 8992 3000 (Technology Park Malaysia) +6 011-1120 2747</p> <p>Emel: fara@kanzuncapital.com azrai@kanzuncapital.com aminudinshuib@gmail.com mardhiah293@gmail.com</p>
4	<p>Intrasys Sdn. Bhd.</p> <p>17-1, Wangsa Delima 10, D'Link Wangsa Maju, 53300 KUALA LUMPUR</p> <p>Hubungi: En. Jasmani Abbas</p> <p>No. Tel.: +6012 - 201 1187 Emel : jasmani@intrasys9.com</p>

	<p>haris@intrasys9.com zack@intrasys9.com (Untuk permohonan kepada Intrasys Sdn. Bhd. permohonan perlu di emel kepada semua alamat emel di atas)</p>
--	---

9. Siapakan Rakan Pelaburan yang dilantik di bawah program SCIP?

Rakan Pelaburan yang telah dilantik adalah oleh SME Corp. Malaysia adalah seperti berikut:

- Arris Venture Management Sdn. Bhd.
- 5X Capital Sdn. Bhd.
- Kanzun Ventures Management Sdn. Bhd.
- Intrasys Sdn. Bhd.

10. Bolehkah PKS memohon untuk pembiayaan dana di bawah program ini, walaupun telah menerima dana modal teroka atau pelaburan dana melalui pihak lain?

Ya, PKS masih boleh memohon dana di bawah program ini, walaupun telah menerima dana teroka atau pelaburan dana melalui pihak lain. Walaubagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada SME Corp. Malaysia.

11. Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan program SCIP?

Antara dokumen asas yang akan diperlukan oleh pihak Rakan Pelaburan bagi penilaian permohonan SCIP adalah seperti berikut:

- i. Profil Syarikat: Latar Belakang, Jenis Produk & Perkhidmatan
- ii. Dokumen berkaitan dengan pendaftaran perniagaan atau perlesenan perniagaan iaitu:
 - a. Salinan pendaftaran perniagaan SSM
 - b. Salinan lesen premis perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan
 - c. Lesen-lesen lain yang berkaitan dengan perniagaan
 - d. Laporan audit kewangan syarikat sekurang-kurangnya minimum satu (1) tahun terkini

Walaupun bagaimanapun pihak Rakan Pelaburan mungkin akan memerlukan pemohon menyediakan dokumen selain daripada senarai di atas sekiranya perlu.

12. Adakah terdapat sebarang bayaran dikenakan untuk memproses permohonan program SCIP?

Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk memproses permohonan program SCIP. Walau bagaimanapun Rakan Pelaburan boleh mengenakan caj kepada pihak syarikat bagi keperluan menjalankan aktiviti penilaian ke atas syarikat semasa memproses permohonan.

13. Apakah proses-proses yang terlibat semasa permohonan program SCIP?

Secara amnya, proses-proses yang terlibat semasa permohonan adalah:

A. Permohonan melalui SME Corp. Malaysia:

- i. Isi borang permohonan secara atas talian di pautan: <http://www.smecorp.gov.my/scip/>
- ii. Sekretariat program akan terlebih dahulu melakukan penilaian asas bagi setiap permohonan untuk memastikan syarikat memenuhi kriteria dan syarat asas permohonan yang telah ditetapkan.
- iii. Permohonan terpilih akan dimaklumkan untuk menyertai sesi 'pitching' iaitu 'SME Invest Series' yang akan dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia.
- iv. Penilaian akan dilakukan oleh Rakan Pelaburan semasa sesi 'pitching' di 'SME Invest Series' ini.
- v. Syarikat yang terpilih kemudiannya akan melalui proses permohonan di peringkat Rakan Pelaburan seperti di bawah. Rujuk (B)

B. Proses Permohonan melalui Rakan Pelaburan:

- i. Rakan Pelaburan akan menjalankan penilaian dan persetujuan untuk melabur ke dalam syarikat sebelum mengemukakan cadangan kepada SME Corp. Malaysia
- ii. Rakan Pelaburan akan menyerahkan dokumen Memorandum Pelaburan kepada SME Corp. Malaysia
- iii. SME Corp. Malaysia akan mengesahkan maklumat yang terdapat dalam Memorandum Pelaburan

C. Kelulusan, Pengurusan Risiko dan Pemberian Dana:

- i. Pembentangan syarikat pemohon dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan untuk kelulusan
- ii. Pengeluaran Surat Tawaran Pelaburan oleh Rakan Pelaburan
- iii. Penilaian (*due diligence exercise*) dan pelaporan penuh kepada SME Corp. Malaysia oleh Rakan Pelaburan berkenaan dengan rangka pelaburan
- iv. Kelulusan pengeluaran dana daripada Jawatankuasa Pelaburan
- v. Menandatangani Perjanjian dan Kontrak Pemegang Saham

vi. Penyaluran dana

14. Berapakah peratusan ekuiti yang akan dipegang oleh pelabur di bawah program SCIP?

Secara purata, peratusan ekuiti yang akan dipegang oleh pelabur adalah dalam lingkungan 10% hingga 30%. Walau bagaimanapun, ini bergantung sepenuhnya kepada faktor-faktor seperti penilaian pasaran dan perundingan antara syarikat dan Rakan Pelaburan

15. Sejauh manakah penglibatan para pelabur di dalam syarikat, kelak?

Apabila pelaburan berlaku, SME Corp. Malaysia dan Rakan Pelaburan akan menjadi pemegang ekuiti yang sah ke atas syarikat. SME Corp. Malaysia dan Rakan Pelaburan boleh dilantik untuk berada di dalam barisan lembaga pengarah syarikat yang boleh memberikan pendapat kepada pengurusan syarikat. Adalah menjadi matlamat SME Corp. Malaysia dan Rakan Pelaburan untuk melihat kemajuan positif PKS ke atas pelaburan yang telah dibuat untuk dinilai setiap tahun. Oleh yang demikian, PKS perlulah melaksanakan perancangan pertumbuhan yang dapat memenuhi jangkaan pelabur.

16. Berapakah jangka masa pelaburan yang akan dibuat di bawah program SCIP ini?

Jangkamasa pelaburan yang akan dibuat ke atas PKS adalah dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun.

17. Siapakah yang akan memantau prestasi PKS sepanjang tempoh pelaburan?

SME Corp. Malaysia melalui Rakan Pelaburan akan memantau dan menilai prestasi PKS mengikut perjanjian kontrak. Pemantauan ini boleh dilakukan secara pelaporan bulanan, suku tahunan dan tahunan.

18. Apakah skim pembayaran balik oleh PKS dalam program SCIP?

Skim pembayaran semula PKS untuk dana ini adalah dalam bentuk pengembalian dana dan pembayaran dividen sebagai pulangan kepada pelabur setelah pelabur keluar dari perniagaan, mengikut perjanjian yang telah dibuat antara PKS dan para pelabur.

19. Adakah pelabur akan keluar dari perniagaan atau melepaskan pegangan modal dari syarikat?

Ya, pelabur akan keluar dari perniagaan atau keluar sebagai pemegang modal dalam jangkamasa 3 hingga 5 tahun dari tempoh awal pelaburan bergantung kepada perjanjian dan persetujuan bersama oleh semua pihak di masa hadapan.